

22 APR 1999

Mahathir-Rahim

PENDAKWAAN RAHIM TIDAK AKAN HENTIKAN KRITIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan mendakwa bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor hari ini tidak akan menghentikan perbuatan pihak yang menuduh kerajaan Malaysia melakukan pendakwaan secara berpilih-pilih.

"Tidak, sekali-kali tidak. Mereka yang sudah tersemat dalam fikirannya bahawa ini negara teruk akan terus berkata demikian.

"Dan penyokong mereka di dalam negara ini sendiri pula akan terus mengatakan bahawa keadaan dalam negara ini sudah teruk," kata beliau ketika ditemui pemberita di bangunan Parlimen selepas beliau membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan Rakyat.

Dr Mahathir merujuk kepada kritikan terhadap kerajaan yang dikatakan melakukan pendakwaan secara berpilih-pilih.

"Ia bergantung kepada pemikiran. Tidak ada kena-mengena dengan fakta atau sistem. Misalnya, saya membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini tanpa apa-apa motif politik. Kalau anda baca seluruhnya, saya tidak ada menyebut apa-apa mengenai politik. Saya hanya beri tumpuan kepada ekonomi negara dan bagaimana kita boleh memulihkannya," kata Dr Mahathir.

Tetapi, katanya, Ketua Pembangkang di Parlimen Lim Kit Siang sudah menyediakan ucapan politik yang dibacakannya apabila usul mengenai kajian itu dibuka untuk dibahaskan.

"Anda boleh lihat beliau membaca ucapannya, bermakna sebelum mendengar ucapan saya beliau sudah merancang untuk berucap mengenai politik... mengenai penahanan anaknya, mengenai mata lebam, sistem kehakiman, bagaimana buruknya sistem undang-undang di negara ini. Semua ini bercorak politik," kata beliau.

Abdul Rahim hari ini mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan dengan sengaja cuba mendatangkan cedera parah kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Suruhanjaya Siasatan Diraja yang ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan yang dialami Anwar semasa dalam tahanan polis pada September tahun lepas, memperakukan supaya tindakan diambil terhadap Abdul Rahim yang telah mengaku kepada suruhanjaya itu yang beliau memukul Anwar.

"Itulah sebabnya saya tahu kalau saya beri gambaran yang paling cerah sekalipun, tidak ada bezanya bagi golongan ini... mereka mempunyai fikiran yang tertutup, dan mereka akan terus mengulangi sampai menjelakkan apa yang telah mereka perkatakan sepanjang masa itu," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada golongan yang menentang kerajaan boleh mempengaruhi orang ramai, Dr Mahathir berkata mereka boleh mencuba tetapi kerajaan juga akan cuba menjelaskan kedudukan sebenar kepada rakyat.

Beliau turut mengulas perhimpunan haram yang bertukar menjadi rusuhan di sekitar ibu kota berikutan keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara enam tahun terhadap Anwar minggu lepas setelah dia didapati bersalah atas empat tuduhan rasuah dengan menyalahgunakan kuasa.

Dr Mahathir yakin majoriti rakyat Malaysia berfikiran waras dan tidak akan menyertai tunjuk perasaan, merusuh atau merosakkan harta benda awam.

"Saya dapati kebanyakan orang tidak sokong tindakan itu yang bertujuan mencetuskan huru-hara. Golongan ini ialah mereka yang kecewa dan bilangannya tidak begitu besar," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka berharap akan berlaku keadaan seperti di Indonesia dengan tunjuk perasaan, kecurian dan keganasan.

"Tetapi rakyat Malaysia tidak semacam itu. Yang aktif ni budak-budak yang belum lagi bertanggungjawab. Mereka bukan pekerja dan mereka tidak peduli tentang pendapatan.

"Mereka dapat biasiswa dengan senang... rakyat bayar... bayar bukan untuk mereka belajar tetapi bayar untuk mereka berdemonstrasi," kata Dr Mahathir dengan sinis.

-- BERNAMA

MAM NMO